

BECAME TABLET

Carbinoxamine Maleate/Pseudoephedrine Hydrochloride (4mg /60mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan BECAME TABLET
2. Bagaimana BECAME TABLET berfungsi
3. Sebelum mengambil BECAME TABLET
4. Cara menggunakan BECAME TABLET
5. Semasa menggunakan BECAME TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan BECAME TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan BECAME TABLET

BECAME TABLET digunakan untuk melegakan simptom-simptom alahan bermusim, alahan rinitis (radang membran mukus dalam hidung) dan rinitis vasomotor (rinitis yang tidak berkaitan dengan alahan) seperti bersin, hidung tersumbat and berair.

Bagaimana BECAME TABLET berfungsi

Carbinoxamine Maleate tergolong dalam kelas ubat yang dikenali sebagai antihistamina. Ubat ini berfungsi untuk menyekat tindakan histamina yang merupakan sejenis bahan biologi yang dihasilkan oleh badan akibat pendedahan kepada alergen tertentu. *Pseudoephedrine* adalah sejenis agen simpatomimetik yang berfungsi untuk mengecutkan saluran darah dalam saluran pernafasan untuk melegakan edema (bengkak) mukosa dan kesesakan hidung.

Sebelum mengambil BECAME TABLET

Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda alergik terhadap bahan kandungan atau mempunyai penyakit saluran pernafasan bahagian bawah seperti asma, tekanan darah tinggi yang teruk, penyakit arteri koronari (penyakit berkaitan dengan salur darah jantung) yang teruk, kesusahan membuang air kecil dan ulser peptik. Anda juga perlu mengelakkan pengambilan BECAME TABLET jika anda dalam rawatan Perencat *monoamine oxidase (MAOI)*.

Sebelum mula mengambil

Berunding dengan doktor atau ahli farmasi mengenai pengambilan BECAME TABLET jika anda sedang hamil atau menyusukan anak.

Beritahu doktor jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan seperti perembesan hormon tiroid yang berlebihan, penyakit kardiovaskular (penyakit jantung), kencing manis dan glaukoma sudut tertutup (peningkatan tekanan dalam mata).

Jika mengambil ubat-ubat lain

Elakkan penggunaan BECAME TABLET dengan ejen simpatomimetik dan perencat *monoamine oxidase (MAOI)*. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan preskripsi.

Cara menggunakan BECAME TABLET

Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak > 6 tahun:

1 tablet, 3-4 kali sehari

Kanak-kanak 18 bulan hingga 6 tahun:

½ tablet, 3-4 kali sehari

Bila perlu diambil

BECAME TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

BECAME TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera

Semasa menggunakan BECAME TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa mengambil BECAME TABLET.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor.

Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Jangan memberi ubat ini kepada bayi yang lahir tidak cukup bulan.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan BECAME TABLET.

Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

BECAME TABLET mungkin akan menyebabkan sedasi, kesan pening, diplopia (penglihatan berganda), sindrom muntah, cirit-birit, kekeringan mulut, sakit kepala, kegemuruhan, loya, anoreksia (masalah pemakanan), pedih hulu hati, kelemahan, kerap membuang air kecil, kesakitan semasa membuang air kecil, konvulsi, perangsangan sistem saraf pusat, aritmia jantung (rentak jantung yang tidak normal), kesukaran pernafasan, peningkatan kadar debaran jantung dan tekanan darah, halusinasi, menggeletar, insomnia dan kecupatan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* → *Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan BECAME TABLET

Cara penyimpanan



Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan keadaan lembap. Simpan di dalam bekas yang ketat.

Cara pelupusan

BECAME TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah melepasi tarikh luput. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

BECAME Tablet merupakan tablet bulat dengan diameter 7.4mm yang berwarna putih, salah satu permukaannya dicetak timbul dengan tanda “” dan skor pada permukaan yang lain. “”.

Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif-

Carbinoxamine Maleate

Pseudoephedrine Hydrochloride

Bahan-bahan tidak aktif-

Colloidal silicon dioxide

Sodium starch glycolate

Magnesium aluminometasilicate

Hydroxypropyl cellulose

Talc

Magnesium stearate

Ethanol

Nombor MAL

MAL 19930600A

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan

Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000

Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,

Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,

43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

30 Oktober 2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)301015/00389